



## Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

# PENGADAPTASIAN ELEMEN TONGKAT LEMAMBANG DALAM PENGHASILAN KARYA INSTALLASI

LEOPOLD GARETT ANAK JAWAN

PT  
2525  
Z5  
L587  
2016

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian  
(Seni Halus)  
2016

**PENGADAPTASIAN ELEMEN TONGKAT LEMAMBANG DALAM  
PENGHASILAN KARYA INSTALASI**

**LEOPOLD GARETT ANAK JAWAN**

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Seni Halus)

**Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
2016**

**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

Grade: \_\_\_\_\_

Please tick (v)

Final Year Project Report

Masters

PhD

**DECLARATION OF ORIGINAL WORK**

This declaration is made on the 9<sup>th</sup> of June 2016.

**Student's Declaration:**

I LEOPOLD GARETT ANAK JAWAN (41830) from FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ART Share by declare that the work entitled **PENGADAPTAISAN ELEMEN TONGKAT LEMAMBANG DALAM PENGHASILAN KARYA INSTALASI** is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

9/6/2016

Date Submitted



LEOPOLD GARETT ANAK JAWAN (41830)

**Supervisor's Declaration:**

I ENDANG LESTARI here by certifies that the work entitled **PENGADAPTAISAN ELEMEN TONGKAT LEMAMBANG DALAM PENGHASILAN KARYA INSTALASI** prepared by the above named student, and was submitted to the FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ARTAs a \* partial/full fulfillment for the conferment of BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (FINE ARTS), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.



Received for examination by: \_\_\_\_\_  
PUAN ENDANG LESTARI

Date: 9/6/2016

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (✓) :

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)\*
- OPEN ACCESS**

#### **Validation of Project/Thesis**

I therefore duly affirm with free consent and willingly declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of University Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature

  
(Date: 9/6/2016)

Supervisor signature:

  
(Date: 9/6/2016)

#### **Current Address:**

**LOT 4539, JLN DATO PERMYSURI LRG 2-5,  
LUTONG K/BARAM 98000, MIRI, SARAWAK**

Notes: \* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

## **PENGESAHAN**


Projek bertajuk “**Pengadaptasian Elemen Tongkat Lemambang Dalam Penghasilan Karya Instalasi**” telah disediakan oleh **Leopold Garett Anak Jawan** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Seni Halus**).

Diterima untuk diperiksa oleh:



(Puan Endang Lestari)

Tarikh:



## **PENGAKUAN**

Adalah ini di akui bahawa saya, **Leopold Garett Anak Jawan** disertai penulisan yang bertajuk "**Pengadaptasian Elemen Tongkat Lemambang Dalam Penghasilan Karya Instalasi**" sebagai sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dan Kreatif dalam Program **Seni Halus** diterima.



---

(Leopold Garett Anak Jawan)

No.Matrik:41830

## **PENGHARGAAN**

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Puan Endang Lestari di atas segala bimbingan, tunjuk ajar, nasihat dan cadangan beliau yang sangat membina sepanjang saya menghasilkan projek tahun akhir ini. Di samping itu, beliau telah banyak memberi dorongan serta idea dan semangat kepada saya dalam melaksanakan projek tahun akhir (PTA) ini. Jasa beliau tidak akan saya lupai.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli keluarga terutamanya ibu bapa yang telah banyak memberikan dorongan dan semangat kepada saya untuk terus maju dan berusaha menyiapkan projek tahun akhir ini. Mereka juga banyak berkorban dengan memberikan sumber kewangan kepada saya untuk melaksanakan projek ini. Tanpa mereka, sudah tentu projek ini tidak dapat disiapkan dengan sempurna.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu saya sepanjang melaksanakan projek ini. Mereka bersama-sama berkongsi idea, memberi pendapat serta membantu dalam sumber tenaga kepada saya bagi mendapatkan hasil yang lebih baik sepanjang menyiapkan projek tersebut.

Akhir kata dari saya, dharap kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**ISI KANDUNGAN**

**HALAMAN**

Borang Pengesahan Status Tesis.....	i-ii
Pengesahan dan Tandatangan Penyelia.....	iii
Pengakuan Pelajar.....	iv
Penghargaan.....	v
Isi Kandungan.....	vi
Abstrak.....	viii

**BAB 1: PENGADAPTASIAN TONGKAT LEMAMBANG DALAM  
PENGHASILAN KARYA INSTALASI**

1.1 Pengenalan .....	1
1.2 Permasalahan Kajian.....	3
1.3 Objektif kajian.....	4
1.4 Persoalan kajian.....	4
1.5 Skop Kajian.....	4
1.6 Kepentingan Kajian.....	5

**BAB 2: KAJIAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan.....	6
2.2 Tongkat Lemambang.....	8
2.3 Elemen yang terdapat dalam Tongkat Lemambang.....	10
2.4 Lemambang.....	12
2.4 Kepercayaan masyarakat Iban.....	13

<b>2.5 Seni Instalasi .....</b>	<b>15</b>
<b>2.6 Karya rujukan.....</b>	<b>18</b>
<b>2.7 Artis rujukan.....</b>	<b>16</b>

### **BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

<b>3.1 Pengenalan.....</b>	<b>20</b>
<b>3.2 Eksplorasi bahan.....</b>	<b>20</b>
<b>3.3 Temu bual.....</b>	<b>21</b>
<b>3.4 Pemerhatian.....</b>	<b>21</b>
<b>3.5 Buku Rujukan.....</b>	<b>22</b>
<b>3.6 Internet.....</b>	<b>23</b>

### **BAB 4: KAJIAN DAN HASIL DAPATAN**

<b>4.1 Pengenalan.....</b>	<b>24</b>
<b>4.2 Gerlis Asas (<i>Basic Glaze</i>) .....</b>	<b>25</b>
<b>4.3 Lakaran Idea dan Bentuk .....</b>	<b>28</b>
<b>4.4 Lakaran akhir bentuk persembahan karya .....</b>	<b>32</b>
<b>4.5 Pemilihan tempat untuk mempamerkan karya .....</b>	<b>33</b>
<b>4.6 Kajian terhadap persekitaran instalasi .....</b>	<b>35</b>
<b>4.7 Proses Penghasilan Karya .....</b>	<b>36</b>
<b>4.8 Pemasangan Karya.....</b>	<b>40</b>

<b>BAB 5: PENJELASAN KARYA</b>	<b>41</b>
<b>BAB 6: KESIMPULAN</b>	<b>44</b>
<b>RUJUKAN</b>	<b>46</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>48</b>

## **ABSTRAK**

Adaptasi objek ritual dalam penghasilan karya sering menjadi sebahagian daripada inspirasi kepada pengkarya. Dalam konteks kajian ini, pengkaji akan melihat kecenderungan mengenai aspek-aspek tertentu untuk menjadikan objek ritual sebagai inspirasi. Kajian ini menumpukan pengaplikasian subjek tongkat Lemambang sebagai kajian untuk diaplikasikan ke dalam karya akhir. Kajian ini bertujuan untuk memberi pendekatan mengenai objek ritual sebagai subjek kajian dalam penghasilan karya. Penekanan terhadap konsep tongkat Lemambang bertujuan untuk memperlihatkan unsur elemen objek ritual dalam subjek kajian. Selain itu, hasil daripada dapatan kajian ini, akan diaplikasikan dalam karya akhir.

## *ABSTRACT*

*This research is an adaptation in the production of ritual objects often and become part of the inspiration for the artist . In this study , researchers was look at the trends concerning certain aspects to make ritual objects as inspiration . This study focuses on the some application of Lemambangt that can be applied into the final work. The aims of this study is to approach the ritual objects as a subject of study in art. The emphasis on the concept of Lemambang is to show the elements of ritual objects as a study. In addition, the results of this study , will be applied for the final work .*

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Tajuk penyelidikan ini ialah, “Pengadaptasian elemen tongkat Lemambang dalam penghasilan karya Installasi”. Selain itu, pengkaji juga ingin mengkaji kaedah dan teknik yang sesuai untuk menghasilkan karya seni kontemporari. Amalan ritual dalam masyarakat Iban di Sarawak mempunyai simbolik lazimnya mengenai pengaplikasian motif-motif dan reka corak tertentu sebagai ragam hias yang diadaptasi menerusi keindahan alam semula jadi yang terdiri daripada unsur haiwan, tumbuhan, cakerawala dan unsur-unsur alam spiritual. Semasa sesuatu upacara ritual berlangsung, beberapa alat yang diperbuat daripada buluh dan kayu digunakan. Objek-objek ritual tersebut bertujuan untuk dijadikan hadiah kepada roh-roh orang mati, bekas untuk pemberian dewa-dewi, hantu atau semangat dan kegunaan ritual lain.

Menurut Anna Durin dalam jurnalnya yang bertajuk “Fungsi Buluh Dalam Masyarakat Iban (Durin, 2004), tongkat Lemambang adalah sejenis tongkat khas yang digunakan oleh para Lemambang semasa mereka *mengap* (membaca mantera). Ini bermakna Tongkat Lemambang merupakan tongkat yang dibuat khas oleh para Lemambang untuk kegunaan mereka sendiri.

Maxwell, M. H. (1990) “*Used by iban bards in major festivals to set the rhythm pd the chants-mang, pengap, sabak. they perform.*” Kenyataan Maxwell menunjukkan bahawa Tongkat Lemambang merupakan sebuah tongkat yang

digunakan dalam sesuatu upacara untuk menghasilkan rentak bunyi ketika nyanyian mentera sedang di jalankan.

Walau bagaimana, kepercayaan tradisional kini semakin dilupakan oleh masyarakat Iban sendiri disebabkan oleh faktor keagamaan. Menurut Zainal Abidin Zulkifli (1988) dalam bukunya yang berjudul ‘Adat Resam Penduduk Sarawak’, sebahagian besar daripada masyarakat Iban telah menganuti agama Kristian dan sebahagian lagi masih mengamalkan kepercayaan tradisional yang disebut sebagai *Pengarap Lama* dalam bahasa Iban.

Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (1993), mendefinisikan ritual sebagai tatacara dalam upacara keagamaan, adat dan sebagainya manakala ritualisme amalan menggunakan ritual dalam majlis keagamaan.

Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat (2005), Elemen bermaksud sesuatu yang menjadi bahagian dalam sesuatu keseluruhan unsur.

Menurut kamu Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat (2005), pengadaptasian bermaksud perihal (perbuatan dsb) mengadaptasi sesuatu.

Dalam kajian ini, pengkaji akan mengkaji objek ritual penyembuhan iaitu elemen yang terdapat pada tongkat Lemambang. Pengkaji akan mengkaji mengenai simbol, motif, ukiran, bentuk yang terdapat pada tongkat tersebut dan juga penghasilan bunyi pada tongkat tersebut.

## **1.2 Permasalahan kajian**

Pengkaji mendapati majoriti masyarakat kini beranggapan bahawa objek ritual seperti tongkat Lemambang merupakan barang yang harus dihindari kerana masyarakat kini sudah memegang kepercayaan agama masing-masing. Rata-rata kaum Iban di Sarawak telahpun menerima agama sejak kedatangan pengaruh agama di Sarawak iaitu majoriti daripada mereka adalah penganut agama Kristian dan selebihnya menganuti agama lain. Namun begitu, pada masa yang sama, masyarakat kini tidak tahu atau kurang tahu mengenai fungsi objek-objek tersebut kepada nenek moyang zaman dahulu dan fungsinya terhadap sesuatu upacara atau perayaan.

Menurut kenyataan UNESCO dalam buku *Aboriginal Art, Identity and Appropriation* menyatakan bahawa, “*Culture property is a basic element of people's identity and that a loss of culture property is a loss of being.*” Masyarakat kini hanya menganggap objek warisan budaya sebagai barang artifak sahaja walhal, barang tersebut pernah digunakan oleh masyarakat lalu sebagai objek penting dalam sesuatu upacara.

Menurut Zainal Abidin Zulkifli (1988) dalam bukunya yang berjudul ‘Adat Resam Penduduk Sarawak’, sebahagian besar daripada masyarakat Iban telah menganuti agama Kristian dan sebahagian lagi masih mengamalkan kepercayaan tradisional yang disebut sebagai *Pengarap Lama* dalam bahasa Iban

### **1.3 Persoalan Kajian**

- 1) Apakah elemen yang terdapat pada tongkat Lemambang.
- 2) Apakah elemen menarik yang terdapat pada tongkat Lemambang.
- 3) Bagaimanakah kajian ini dapat dibuktikan.

### **1.4 Objektif kajian**

- 1) Mengkaji elemen tongkat Lemambang.
- 2) Mengenalpasti elemen yang menarik pada tongkat Lemambang .
- 3) Menghasilkan karya akhir untuk membuktikan kajian

### **1.5 Skop Penyelidikan**

Seperti yang telah diterangkan di bahagian sebelumnya, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti elemen-elemen yang terdapat pada tongkat Lemambang. Pengkaji juga akan mengadaptasi elemen yang telah dipilih untuk diaplikasikan dalam karya akhir. Selain itu, aktiviti pendokumentasian kajian ini juga akan direkod untuk tujuan bukti.

### **1.6 Kepentingan kajian**

Kepentingan yang ingin disampaikan pengkaji adalah ingin mengenal pasti unsur-unsur elemen yang terdapat pada objek ritual masyarakat Iban di Sarawak, iaitu Tongkat Lemambang khasnya. Selain itu, pengkaji juga ingin membuat perbandingan dari segi kepercayaan masyarakat dahulu dan kini mengenai signifikasi motif serta fungsi tongkat tersebut terhadap kehidupan harian mereka. Selain itu, Tongkat Lemambang juga mempunyai bunyi loceng jika di hentak. Pengkaji juga akan mengkaji elemen bunyi yang terdapat pada Tongkat Lemambang dengan beberapa bunyi dari mentera (pengap) oleh Lemambang. Kajian yang dapat dibuat ini akan diaplikasikan dalam karya instalasi.

Mendapatkan pemahaman mengenai penghasilan karya serta pengetahuan dalam kajian yang dilakukan. Kajian yang dijalankan penting untuk penambahbaikan dalam penghasilan karya peribadi pengkaji. Di samping itu, pengkaji dapat mempersempitkan idea dan pendapat dalam konteks kajian seni visual serta mempamerkan hasil karya pengkaji.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.1 KAJIAN LITERATUR**

Bahagian ini merupakan satu kaedah penyelidikan yang memerlukan pengkaji untuk merujuk tesis dan buku rujukan. Melalui rujukan-rujukan yang dibaca, pengkaji telah mengumpulkan informasi yang diperlukan untuk menghasilkan karya.

Menurut Young (1995):

*“the essential theory of authenticity—that one must have the experience of a person from a particular racial or ethnic background to produce authentic art in the style characteristic of group or culture.”*

Menurut beliau, seseorang itu hanya akan memahami dan menghayati sesuatu objek budaya dan ritual melalui pergaulannya dengan orang yang memahami dan mengamalkan kepercayaan objek tersebut. Masyarakat daripada etnik atau bangsa lain sebenarnya mampu untuk memahami dengan jelas mengenai ekspresi karya sesuatu bangsa daripada budaya yang lain. Seperti bahasa, seni sebenarnya merupakan simbol kepada identiti sesuatu bangsa dan etnik.

*“There is a common view that artistic works, style, knowledge, object and geographic site become symbols of collective culture identity and that this identity implies collective possession of those artistic work, styles, knowledge, objects and sites.”*

Menurut Coleman (2005), karya seni, ilmu pengetahuan, objek, dan geografi boleh menjadi simbol kepada identiti budaya sesuatu masyarakat. Dengan memahami dan mengenali identiti tersebut, maka seseorang itu boleh mengaplikasikannya ke dalam penghasilan karya.

Leigh (2000), menyatakan bahawa,

*“Craft also cater to local demand, for specific seasons, ritual, or ceremonies. It is in this sense that Malaysia identify with items and design that have long history.”*

Terdapat beberapa benda yang diklasifikasikan sebagai kraf mempunyai kegunaan yang khusus kepada masyarakat tempatan ketika mereka merayakan sesuatu musim, ritual atau upacara. Di Malaysia, kraf yang mempunyai nilai estetika dan maksud sebegini hanya diiktiraf jika objek-objek tersebut mempunyai sejarah penghasilan yang sudah lama dipraktikkan oleh nenek moyang sesuatu masyarakat.

Tongkat Lemambang boleh dikategorikan sebagai kraf dan artifak kerana objek ini ialah objek budaya yang dihasilkan oleh segelintar individu sahaja iaitu yang bergelar Lemambang. Pendekatan objek ritual sering digunakan pada sesuatu upacara seperti *mang*, *pengap*, dan *sabak* yang menggunakan tongkat Lemambang dalam upacara tersebut.

*“In some case, making of crafting a beautiful object is an inspirational task in which the maker’s background, his or her skills, and the materials of production are combined. Ingenuity then become the hallmark of the artist. Such people not only create an individual work of art, but they also have the potential to influence the ever-changing cultural heritage of their country.”*

## **2.2 Tongkat Lemambang**

Tongkat Lemambang adalah sejenis tongkat khas yang hanya digunakan oleh para Lemambang (Pawang) semasa mereka mengadakan upacara-upacara tertentu iaitu semasa mereka melakukan upacara ritual dengan membaca mentara (*pengap*) sambil menghentak-hentakkan tongkat tersebut mengikut irama dan nada nyanyian oleh Lemambang itu sendiri. Chong, P. D. (2000) dalam buku *Tradisional Musical Instrument of Sarawak* menyatakan bahawa tongkat merupakan alat muzik yang biasa tetapi unik di dalam penghasilan muzik oleh masyarakat asli Sarawak. Tongkat buluh ini dipegang oleh para pemain dan dihentak ke lantai sambil mereka berarak.

Berdasarkan kenyataan Anna Durin, biasanya tongkat Lemambang diperbuat daripada buluh yang sederhana besar. Ia boleh diperbuat daripada buluh spesies buluh amat, buluh bala atau pun buluh temiang. Tongkat itu diukir dengan ukiran yang dan bahagian atasnya kadang-kadang diletakkan loceng-loceng kecil. Ada juga tongkat tersebut mempunyai loceng-loceng di bahagian tengah. Ada antara tongkat dihias dengan bulu burung merak atau balung ayam. Tongkat Lemambang biasanya diperbuat daripada buluh yang diukir dan dihiaskan dengan pelbagai cara seperti menggunakan bulu burung, bulu ayam, kertas warna yang digantung cantik dan sebagainya. Tujuan mereka menghias tongkat tersebut adalah untuk merasa megah dan menunjukkan rasa hormat mereka kepada roh moyang, dewa atau dewi yang dipuja dan dijemput ke ritual berkenaan.



**Fig 1:** Tongkat Lemambang yang terdapat di studio tarian Tun Jugah Kuching.  
Gambar koleksi pengkaji



**Fig 2:** Lonceng asli pada Tongkat Lemambang yang terdapat di Kampung Teliting Sri Aman, Sarawak..  
Gambar koleksi pengkaji

### **2.3 Elemen yang terdapat dalam Tongkat Lemambang**

Tongkat Lemambang mempunyai pelbagai elemen menarik seperti mempunyai motif, corak, bunyi dan mempunyai konsep semasa para Lemambang menyanyikan mantera. Dari segi struktur, Tongkat Lemambang hanyalah sebatang buluh yang lurus dan mempunyai bulu-bulu ayam yang berwarna-warni. Motif yang terdapat pada Tongkat Lemambang biasanya merupakan ukiran masyarakat Iban yang berkonseptkan flora.

Ganjing (1991), menyatakan bahawa ukiran ini tidak begitu penting dalam bidang seni ukir, tetapi harus juga dipelajari untuk menambah pengetahuan ukiran, terutama dalam kerja mengukir buluh seperti Tongkat Lemambang. Ukiran ini memerlukan ukiran tambahan untuk memisahkan satu bentuk ukiran dengan bentuk yang lain. Ukiran ini dipanggil ukiran ‘pemisah’ kerana ia selalu digunakan untuk memisahkan suatu ukiran dengan ukiran yang lain.

Elemen yang terdapat dalam Tongkat Lemambang mempunyai konsep keindahan dari segi ciri-ciri kesatuan, kesederhanaan dan perasaan. Hal ini dapat disokong melalui kenyataan Hamid (2007), yang menyatakan bahawa keindahan itu mesti dinikmati oleh deria pancaindera dan mesti dimengertikan dengan daya intelek. Perasaan yang terdiri daripada luaran dan deria dalaman adalah penting untuk mengenal dan menikmati keindahan.

Menurut Sale (2004), jika salah satu elemen boleh menunjukkan bagaimana sesuatu karya menjadi sebahagian dalam dunia kontemporari dan seni tradisional maka jalinan juga digunakan dalam menghasilkan karya tersebut. Terdapat banyak cara untuk menghasilkan jalinan sebelum abad ke-20. Antaranya ialah dengan

menghasilkan jalinan dengan khayalan dan mengikut jalinan semulajadi. Pelbagai jenis teknik jalinan boleh dihasilkan seperti *cross hatching*, *cross contour*, *grouped parallel lines*, *stipping*, *line and dot*, dan *scrable line*. Sehingga abad ke 19 jalinan dihasilkan dengan mengutamakan subjek yang semulajadi dan *actual texture*.



Fig.3(a)



Fig.3(b)

**Fig 3:** Imej (a) menunjukkan terdapat bulu ayam sebagai hiasan, imaj (b) mempunyai loceng sebagai unsur bunyi.



Fig.4(a)



Fig.4(b)

**Fig 4 (a)&(b):** Imej struktur Tongkat Lemambang mempunyai motif flora.

## 2.4 Lemambah

Ngadi (2001), menyatakan dalam sistem agama dan kepercayaan, masyarakat Iban mempunyai empat individu yang penting dalam sistem agama dan kepercayaan tersebut, antaranya ialah Tuai burung, Tuai rumah, lemambah dan manang. Lemambah merupakan orang ketiga yang berkuasa dalam ilmu keagamaan. Walaupun bukan merupakan orang yang paling tinggi atau berkuasa dalam sistem keagamaan orang-orang Iban, Lemambah boleh dianggap sebagai ‘pendeta’ mereka. Lemambah adalah penutur ‘pengagap’ iaitu jampi mentara ketika diadakan ‘gawai’

Lemambah mempunyai mempunyai tiga jenis memtera pengubatan, antaranya ialah nyanyian lagu pengubat Sugi (Bersugi sakit), lagu pengubatan Renong (Berenong sakit), dan upacara adat untuk pesakit (Gawai sakit)

Semasa melakukan upacara tersebut, beberapa para Lembambah akan menyampaikan upacara nyanyian mantera sambil menghentakkan tongkat dengan mengikut irama. Dengan hentakkan tongkat dan nyanyian tersebut, akan menghasilkan unsur bunyi yang menarik. Bunyi tersebut terhasil apabila para Lemambah menyanyikan sambil menghentak tongkat tersebut. Loceng pada tongkat akan berbunyi dan batang kayu atau buluh ini akan mengelongsor ke atas dan ke bawah apabila tongkat dihentak di lantai.

Ngadi (2001), dua orang *Lemambah* diperlukan untuk menyempurnakan upacara ini. Ia dilakukan di ruai (ruang tamu). Pesakit ditempatkan di dalam *meligai* yang dihampar *pua kumbu*. Set-set persembahan diletakkan berdekatan dengan pesakit di dalam *meligai*. Kemudian, dari masa ke semasa rumput dan bunga yang berbau harum dibakar di dalam *meligai* itu. Tambah beliau lagi, *Iban Saribas*